

Kepakaran diperlukan elak ditindas kuasa besar

Oleh SOPHA SULAIMAN

UM 14 DEC 2001

JITRA 13 Dis. — Rakyat Malaysia perlu memiliki kepakaran yang seimbang di dalam semua bidang supaya mereka dapat mempertahankan negara daripada ditindas oleh kuasa besar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, melalui ilmu dan kepakaran juga, rakyat dan kerajaan akan menjadi kuat dan kaya.

"Dengan kekayaan yang ada, kita mampu membantu orang-orang Islam di negara lain yang ditindas," katanya semasa berucap pada majlis berbuka puasa dan majlis penyampaian sumbangan Hari Raya di Masjid Al-Aqsa di sini hari ini.

Pada majlis itu, ulama-ulama dari 14 wilayah dari selatan Thailand juga dijemput khas untuk berbuka puasa bersama Perdana Menteri.

Menurut Dr. Mahathir, tidak semua orang perlu belajar untuk menjadi ulama atau pakar di dalam bidang keagamaan walaupun belajar agama itu amat baik.

Beliau mengingatkan, ini kerana sekiranya negara tidak mempunyai kepakaran bidang profesional lain, agama dan ulama pun tidak mungkin dapat dipertahankan.

"Oleh itu kita perlu seimbang di dalam semua bidang dan setiap profesion perlu cukup dengan pengetahuan agama.

"Jika kita lemah dan tidak ada kepakaran, nak buat senjata pun tidak pandai, perlu membelinya dari musuh yang sudah pasti tidak akan menjual senjata yang terbaik," katanya.

Sebelum itu beliau menyatakan, nasib orang miskin di negara ini kadang kala lebih baik daripada mereka yang tidak miskin kerana mendapat bantuan yang mencurah-curah menjelang Hari Raya.

Ini kerana, selain bantuan daripada kerajaan dan pertubuhan, orang miskin dan daif turut mendapat perhatian para dermawan, kata Dr. Mahathir.